

Bil. S 41

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN), 2014

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
 2. Pindaan bab 65 dari Penggal 39.
 3. Penggantian bab 73.
 4. Pindaan bab 97.
 5. Pindaan bab 121.
 6. Pindaan Jadual Kelima.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN), 2014

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Syarikat (Pindaan), 2014 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari 2015.

Pindaan bab 65 dari Penggal 39.

2. Bab 65 dari Akta Syarikat, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas ceraian (2) lima ceraian baru yang berikut —

“(3) Jika saham-saham dalam sesebuah syarikat dipegang oleh seorang penama, penama itu hendaklah mendedahkan identiti tiap-tiap orang yang bagi pihaknya saham-saham itu dipegang.

(4) Pendedahan sebagaimana yang dikehendaki dalam ceraian (3) hendaklah dibuat secara bertulis kepada syarikat itu dalam masa satu bulan dari pemerolehan saham-saham penama.

(5) Syarikat itu adalah dikehendaki untuk menyelenggarakan suatu daftar pendedahan pemegangan saham penama.

(6) Dengan tidak menghiraukan ceraian-ceraian (3), (4) dan (5), semua syarikat yang mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana sahamnya dipegang oleh seorang penama, boleh menghendaki penama itu untuk mendedahkan identiti tiap-tiap orang yang baginya saham-saham itu dipegang. Penama tersebut hendaklah memberikan maklumat ini dalam masa 10 hari dari menerima notis bagi maksud ini.

(7) Seseorang pemegang saham penama yang secara fraud memberikan maklumat kepada syarikat itu yang diketahuinya atau dia mempunyai alasan untuk mempercayai sebagai palsu atau mengelirukan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.”

Penggantian bab 73.

3. Bab 73 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Waran saham.

73. (1) Sesebuah syarikat tidak boleh mengeluarkan apa-apa waran saham yang menyatakan bahawa pembawa waran itu berhak kepada saham-saham yang dinyatakan di dalamnya dan yang membolehkan saham-saham itu dipindahkan dengan menyerahkan waran itu.”.

Pindaan bab 97.

4. Bab 97 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memasukkan sejurus selepas perenggan (a) perenggan yang berikut —

“(aa) nama dan butir-butir pemegang waran itu;”;

(b) dengan memansuhkan cerai (2) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(2) Pemegang suatu waran saham adalah dikehendaki untuk menyerahkan waran-waran untuk dibatalkan selewat-lewatnya 31hb Disember 2015 dan meminta supaya namanya dicatatkan sebagai seorang ahli dalam daftar ahli.”.

(c) dalam cerai (3), dengan memotong “bearer” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “holder”.

Pindaan bab 121.

5. Bab 121 dari Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas cerai (1) cerai baru yang berikut —

“(1A) Syarikat itu hendaklah menyimpan rekod yang disebut dalam cerai (1) bagi suatu tempoh tidak kurang 7 tahun dari akhir tahun kewangan di mana transaksi atau operasi yang disebut dalam rekod itu selesai.”.

Pindaan Jadual Kelima.

6. Jadual Kelima kepada Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memotong “, Berhad” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “(including foreign companies)”;

(b) pada muka surat 304 —

- (i) dengan memotong “Total amount of shares for which share warrants to bearer are outstanding” dari baris-baris kedua belas dan ketiga belas dan menggantikannya dengan “Total amount of shares for which share warrants to holder, if outstanding”;
- (ii) dengan memotong “Number of shares comprised in each share warrant to bearer” dari baris-baris akhir ketujuh dan delapan dan menggantikannya dengan “Remaining number of share comprised in each share warrant to holder”.

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Muharram, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 29 haribulan Oktober, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM